

27 DEC 1996

Razaleigh-S46

BEKAS S46 JANGAN TERPENGARUH DENGAN DAKYAH PAS

MACHANG, 27 Dis (Bernama) -- Anggota bekas Parti Melayu Semangat 46 (S46) terutama yang tinggal dalam Dewan Undangan Negeri Kelantan kawasan Pulai Chondong diminta supaya jangan mudah terpengaruh dengan dakyah PAS bahawa sebahagian besar borang permohonan mereka untuk menyertai Umno ditolak.

Bekas Presiden S46, Tengku Razaleigh Hamzah berkata Majlis Tertinggi (MT) Umno tidak pernah menolak penyertaan mereka secara beramai-ramai apabila S46 dibubarkan.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada perjumpaan dengan beliau baru-baru ini telah memberi jaminan akan menerima kesemua permohonan bekas anggota S46, katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian dividen lebih RM100,000 kepada peneroka Felcra di Pulai Chondong petang ini.

Razaleigh berkata, penolakan seperti yang dilaporkan hanya dari segi teknikal sahaja dan ia tidak bermakna menolak terus daripada menganggotai Umno.

"PAS cuba mengambil kesempatan itu kononnya bekas S46 tiada pilihan lain selain menyertai PAS semata-mata mahu memancing undi kerana mereka sedar kemenangan BN dan PAS pada pilihan raya kecil itu bergantung kepada sejauh mana kedua-duanya dapat menarik bekas anggota S46," katanya.

Razaleigh berkata, dakwaan Pas yang mengatakan 500 bekas anggota S46 dalam Dewan Undangan Negeri berkenaan menyertai PAS, juga lebih merupakan propaganda untuk menarik perhatian terutamanya dari segi sokongan moral.

Sementara itu, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Annuar Musa semasa berucap berkata, Umno Kelantan bersedia membantu MT untuk mempercepatkan proses penerimaan bekas anggota S46 ke dalam parti itu.

Beliau berkata, ini kerana sebahagian besar bekas anggota parti itu berada di Kelantan.

Katanya, Umno Kelantan akan menubuhkan satu pasukan khas bagi tujuan menyerapkan mereka ke dalam cawangan Umno yang sedia ada atau membenarkan mereka menubuhkan cawangan baru.

Pada pilihan raya kecil 6 Jan itu, calon BN Haji Yusof Hamzah ditentang calon Pas Zulkifli Mamat. Pilihan raya kecil itu diadakan berikutan kematian Anggota Dewan kawasan itu Kapt (B) Mohd Nor Ahmad pada 4 Dis.

-- BERNAMA

WM BD AHH